

Nasib Najib kes 1MDB diputuskan 26 Disember

Bekas PM berdepan 4 pertuduhan guna kedudukan peroleh suapan RM2.3b, 21 pengubahan wang haram

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Selepas tujuh tahun berlangsung, kes berprofil tinggi penyelewengan dana syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bakal tiba di penghujung.

Keputusan sama ada Najib yang juga ketika itu Menteri Kewangan, disabitkan atau bebas daripada empat pertuduhan menggunakan kedudukan bagi memperolehi suapan RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram akan diputuskan pada 26 Disember ini.

Hakim Datuk Collin Lawrence

Sequerah (kini Hakim Mahkamah Rayuan) menetapkan tarikh keputusan itu pada prosiding hujahan di akhir pembelaan yang berlangsung di Istana Kehakiman, di sini semalam.

"Tertakluk kepada hujahan (di akhir kes pembelaan yang belum selesai), saya boleh katakan sekarang bahawa saya akan menetapkan keputusan pada 26 Disember ini," katanya.

Sequerah turut menetapkan Selasa ini bagi pihak pembelaan menyelesaikan hujahan.

Prosiding hujahan di akhir kes pembelaan yang bermula pada 21 Oktober lalu, memasuki hari kesembilan, bermula dengan Najib mengemukakan hujahan pembukaan disusuli hujahan peguam bela diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah bersama-sama Tania Scivetti dan Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin.

Ia disusuli hujahan balas pendakwaan pada tengah hari 29 Oktober lalu yang diketuai Datuk Ahmad Akram Gharib, Datuk Kamal Baharin Omar, Mohamad Mustafa P Kunyalam dan T De-epa Nair.

Terdahulu pada prosiding semalam, Muhammad Shafee memohon masa tambahan untuk

menyelesaikan hujahan kerana terdapat beberapa isu yang perlu dirumuskan.

Pada 6 Mei lalu, pembelaan menutup kes selepas selesai mendengar keterangan 26 saksi pembelaan yang mengambil masa selama 58 hari.

Dapat perhatian dunia

Perbicaraan kes berprofil tinggi yang mendapat perhatian seluruh dunia itu mengambil masa selama 293 hari dengan Mahkamah Tinggi mendengar keterangan seramai 50 saksi pendakwaan dan 26 saksi pembelaan.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu didakwa pada 20 September 2018, dengan perbicaraan kes bermula pada 28 Ogos 2019 dan berakhir pada 30 Mei 2024 yang membatik keseluruhan 235 hari dan seramai 50 saksi.

Pada 30 Oktober 2024, mahkamah memerintahkan Najib membela diri, di mana hari pertama prosiding bela diri ialah pada 2 Disember 2024 dan hari terakhir 6 Mei 2025, iaitu mengambil masa selama 58 hari dengan 26 saksi.

Najib membela diri terhadap empat pertuduhan menggunakan kedudukan ketika itu bagi memperoleh suapan berjumlah



Muhammad Shafee berbincang bersama Wan Azwan Aiman Mahkamah Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram.

Beliau didakwa melakukan kesalahan berkait suapan berkenaan di Cawangan AmIslamic Bank Berhad, Jalan Raja Chulan, Bukit Ceylon, di sini, antara 24 Februari 2011 hingga 19 Disember 2014.

Pertuduhan itu mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama.

Najib berdepan hukuman penjara hingga 20 tahun dan denda hingga lima kali jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika didapati bersalah.

Bagi 21 pertuduhan pengubahan wang haram pula, Najib didakwa melakukan kesalahan itu di bank sama antara 22 Mac 2013 hingga 30 Ogos 2013.

Kesemua pertuduhan itu dike-

mukkan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5 juta dan penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Sepanjang tempoh perbicaraan, antara saksi penting dipanggil memberi keterangan ialah bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh; bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi; bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; bekas peguam syarikat itu, Jasmine Loo Ai Swan; adinda Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin iaitu Tengku Datuk Rahimah Putri Almarhum Sultan Mahmud dan bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng Chong Hwa.